

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 05 / 09 / 2007

Dr. Mahathir stabil selepas 5 jam dibedah

UM - 5/9/2007

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berada dalam keadaan stabil selepas menjalani pembedahan pintasan koronari selama lima jam di Institut Jantung Negara (IJN) di sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu dibawa masuk ke dewan pembedahan pada pukul 8.45 pagi dan pembedahan ke atasnya bermula pada pukul 9.40 pagi.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan IJN, pembedahan yang diketuai oleh pakar jantung terkemuka, Tan Sri Dr. Yahya Awang itu selesai kira-kira pukul 3.05 petang.

Selepas itu Dr. Mahathir dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Kardiologi (ICU) pada pukul 3.30 petang dan beliau dijangka sedar sepenuhnya dalam tempoh 48 jam.

Menurut kenyataan itu, ketika ini beliau masih diletakkan di bawah pengawasan doktor di ICU.

Ini merupakan pembedahan pintasan koronari kali kedua Dr. Mahathir, 81, selepas pembedahan pertama pada 24 Januari 1989 di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Anak sulung beliau, Datin Paduka Marina berkata, pembedahan itu berjalan lancar seperti dirancang dan

selepas pembedahan bapanya berada dalam keadaan stabil tetapi masih belum sedarkan diri.

"Semua doktor yang terlibat gembira dengan perkembangan terkini pembedahan itu," katanya.

Beliau berkata, Dr. Mahathir juga lebih bersedia untuk menjalani pembedahan kedua ini berbanding pembedahan pertama pada tahun 1989.

"Semoga Tun cepat sembuh dan dengan doa seluruh rakyat Malaysia kami berharap kesihatan beliau akan segera pulih," ujarnya ketika ditemui pemberita di lobi IJN.

Marina terharu dengan sokongan

rakyat Malaysia kepada bekas Perdana Menteri itu dan seluruh ahli keluarganya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka.

Selain Dr. Yahya, pembedahan itu dibantu oleh Datuk Dr. Razali Wathooth, Datuk Dr. Azahari Yakub, Datuk Dr. Venugopal Balchand, Datuk Ezani Mohd. Taib dan Ketua Pakar Bedah Kardiologi Klinik Mayo, California, Prof. Dr. Hartzell Schaff.

Petang ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor meluangkan masa kira-kira sejam melawat Dr. Mahathir.